



40

Title of the Product/Project

INOVASI TEMU DUGA DALAM TALIAN SBP INTEGRASI RAWANG



Group member

MOHAMED KHALID BIN SHAHUL HAMEED
YUNUS BIN SALEH
TENGKU ASHRAF B TENGKU ZAKARIA

NOR AZAM BIN ABDULLAH

ABSTRACT

Calon-calon Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dikehendaki sesi temu duga khas bagi mengukur kemampuan hafazan dan bacaan Al-Quran mereka. Namun, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara memberi kesan langsung kepada sesi temu duga yang telah dijadualkan berlangsung semasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 sedang berjalan. Oleh kerana khawatir kehadiran calon temu duga yang ramai bersama ibu bapa mereka yang mungkin mengundang risiko jangkitan COVID-19 kepada calon-calon SPM, pihak sekolah telah mengambil keputusan melaksanakan temu duga berkenaan secara dalam talian dengan kebenaran Pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh. Inovasi temuduga ini menggunakan platform Telegram dan Google Meet dengan melibatkan 34 panel penemu duga dan 611 orang calon. Bagi tujuan kesahan, sesi iajikan dilakukan secara serentak bagi setiap sesi di mana calon perlu melalui 4 peringkat ujian iaitu ujian bertulis, ujian hafazan, ujian tilawah dan pengetahuan Islam. Temuduga juga menggunakan pendekatan kod bagi menentukan bilik temuduga, hari temuduga dan sesi temuduga yang akan diberikan ketika pendaftaran dijalankan. Calon juga perlu memuat turun soalan yang disulitkan dan hanya boleh diakses menggunakan kod yang diberikan 5 minit sebelum sesi kuarantin dimulakan. Hasil inovasi temu duga dalam talian, SBPI Rawang telah berjaya memenuhi 609 calon dalam tempoh tiga hari. Inovasi ini juga dilahat dapat menjimatkan masa dan kos khususnya bagi calon yang datang dari segerang pelulus negara termasuk Sabah dan Sarawak. Keputusan temu duga ini telah diangkat ke Bahagian Pengurusan SBP untuk proses penawaran kepada 120 orang murid tingkatan satu di SBPI Rawang. Inovasi temu duga hafazan dalam talian SBPI Rawang ini juga telah dibentangkan di peringkat Bahagian Pendidikan Islam, Cyberjaya sebagai rujukan bagi sekolah-sekolah TMUA lain yang berminat untuk melaksanakannya pada masa akan datang.

INTRODUCTION


Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan inisiatif pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan di SMKA dan SBP terpilih diseluruh Malaysia. Bagi melihat kesediaan murid mengikuti kurikulum ini, calon perlu melalui temuduga yang terdiri daripada ujian hafazan, ujian tilawah, ujian bertulis dan pengetahuan am.

Kekangan Pandemik Covid-19 merencangkan proses temuduga dijalankan. Namun keperluan menguji kesediaan murid mengikuti kurikulum yang agak padat di institusi ini mencetus idea inovasi temuduga dalam talian dijalankan.

METHODOLOGY



METHODOLOGY (OPERASI TEMU DUGA)



SHARIAH COMPLIANCES

Inovasi ini memenuhi usaha kerajaan dalam melandaikan risiko jangkitan Covid-19 terutama dalam kalangan calon SPM, calon temu duga dan panel penemu duga. Pelaksanaan temuduga ini membantu pihak sekolah memilih calon yang berkualiti dan bersedia mengikuti kurikulum tahfiz al-Quran yang merupakan duster utama Islam. Seterusnya melahirkan modal insan dan bakal pemimpin masa akan datang.

"LEADING INNOVATION"

SIGNIFICANCES

1. Risiko jangkitan Covid-19 dapat dielakkan tanpa mengurangkan aspek penilaian yang diperlukan.
2. Penjimatkan masa dan kos khususnya melibatkan kos operasi pelaksanaan.
3. Mencakupi calon dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

NOVELTY/ ORIGINALITY

1. Temuduga dijalankan secara dalam talian dengan memberi fokus kepada empat elemen iaitu hafazan, tilawah, tahriri dan pengetahuan am.
2. Operasi temu duga yang dijalankan menggunakan aplikasi telegram dan Google Meet sebagai platform utama temu duga.
3. Penggunaan kaedah kod bagi menentukan sesi temu duga bagi setiap calon.
4. Set soalan yang disulitkan dengan kod unik bagi tujuan kesahan penilaian.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

Inovasi Temuduga Dalam Talian SBP Integrasi Rawang ini telah dibentangkan di Bahagian Pendidikan Islam, Cyberjaya.